

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
WAKIL  
NAIB CANSELOR, UTeM**

---

**PROGRAM GATHERING ALUMNI TOWARDS EMPLOYABILITY  
(GATE@UTeM 2019)  
18 SEPTEMBER 2019 (RABU), 09.30 PAGI  
KAMPUS TEKNOLOGI**

**Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Goh Ong Sing**

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM

**Y. Berusaha Dr. Khairuddin bin Osman**

Pengarah Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan

**Y. Berusaha Encik Azrul bin Aziz**

Presiden Persatuan Alumni UTeM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Persatuan Alumni UTeM, JobsMalaysia Centre Melaka, wakil setiap industri, Hadirin serta Hadirat sekalian.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Sihat, Hijau Bersih.

1. Pertama sekali saya ingin sampaikan salam dari Prof. Dr. Raha Abdul Rahim, Naib Canselor UTeM yang tidak dapat bersama kita pada pagi ini kerana perlu menghadiri mesyuarat di Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau mengucapkan selamat kembali dan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua Alumni UTeM yang dapat bersama-sama dalam program pagi ini. Beliau berharap hadirin dan hadirat khususnya para pelajar dapat mengambil sebanyak mungkin peluang dan manfaat daripada program ini, demi mencorak masa depan, alam pekerjaan yang lebih cemerlang dan gemilang.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

2. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya, dapatlah kita berhimpun pada pagi ini bersempena Program Gathering Alumni Towards Employability atau GATE at UTeM 2019.
3. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang ke Program Gathering Alumni Towards Employability atau GATE at UTeM 2019. Program ini merupakan inisiatif dari Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan, Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat UTeM dalam membina hubungan erat antara industri, alumni dan

universiti dalam jangka masa panjang bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dari semasa ke semasa.

4. GATE@UTeM 2019 merupakan platform perkongsian bersama alumni UTeM di samping penganjuran mini career fair bagi menyokong dan membantu perkembangan kerjaya mahasiswa mahasiswi UTeM.
5. Ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada semua pelajar khususnya pelajar tahun akhir yang akan tamat pengajian dan bergraduasi untuk mendapatkan pekerjaan yang terbaik selain boleh dijadikan sebagai medium terbaik kepada para pelajar yang akan menjalani latihan industri bagi mendapatkan penempatan latihan industri mereka.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

6. Sebagai makluman semua, kadar kebolehpasaran graduan atau GE UTeM bagi tahun 2018 telah mencatatkan kadar sebanyak 86.1%, sekali gus menyenaraikan UTeM sebagai Universiti ketiga terbaik di kalangan UA di negara ini. Pencapaian ini amat membanggakan Universiti, sekali gus membuktikan bahawa graduan UTeM senantiasanya menjadi buruan utama pihak industri di dalam dan luar negara. Bagi meneruskan kecemerlangan ini, penglibatan daripada alumni UTeM amatlah di harapkan dalam membantu, menyokong dan memberikan inspirasi yang terbaik kepada para pelajar yang sedang dalam pengajian mahupun yang bakal menamatkan pengajian mereka. Besarlah harapan

kami di UTeM, menerusi kebersamaan dan ukhwah yang terjalin baik antara alumni dan pelajar Universiti ini, lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan terus diraih bagi tahun-tahun yang mendatang.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

7. Alhamdulillah, UTeM kini telah menghasilkan seramai 26,455 orang graduan. Jumlah ini amatlah besar dan akan terus meningkat tahun demi tahun. Lebih membanggakan Universiti, terdapat alumni-alumni ini yang terlibat dalam projek pembangunan Negara seperti YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Luar Bandar, dalam membantu pembangunan masyarakat Sabah, selain yang turut berjaya sebagai usahawan dengan perniagaan sendiri, berkhidmat di luar negara, dan pelbagai lagi.

8. Justeru, kami amat mengharapkan agar para alumni Universiti ini dapat menyumbangkan kembali segala ilmu, kepakaran dan kejayaan tuan-tuan dan puan-puan terhadap pembangunan universiti ini untuk lebih mapan, kesejahteraan masyarakat setempat, malah terhadap pembangunan negara yang tercinta ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

9. UTeM senantiasa terbuka untuk menerima segala jenis pandangan, idea, kerjasama strategik yang berterusan daripada Alumni UTeM. Universiti amat mengharapkan agar alumni-alumni Universiti ini menjadi mentor kepada adik-adik yang berada di dalam pengajian, khususnya yang sedang berada di tahun akhir.



10. Saya amat yakin, dengan dorongan dan sokongan ikhlas yang diberikan kepada mahasiswa mahasiswi UTeM dapat membantu mereka menamatkan pengajian dengan cemerlang dan mendapat tempat terbaik di dalam industri. Insya Allah.
  
11. Kepada siswa dan siswi pula, ambillah sebanyak mungkin peluang dan kesempatan yang ada untuk berinteraksi dengan industri dan alumni UTeM yang hadir pada hari ini, untuk mendapatkan nasihat, pandangan dan inspirasi sebagai pemangkit untuk terus berjaya di masa hadapan.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.**

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya amat berharap agar perjumpaan pada hari ini merupakan satu perjumpaan yang amat bermakna. Saya mendoakan agar usaha yang dicurahkan ini menjadi titik tolak kepada perkembangan kerjaya buat semua
13. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada jawatankuasa program yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan penganjuran program ini.

Sekian, Terima kasih.